

PERANAN DAN SUMBANGAN MASJID AS-SALAM DALAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI PUCHONG PERDANA

Nazneen binti Ismail,
Jabatan Usuluddin Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nazneen@kuis.edu.my

NurzatilismahbtAzizan
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
nurzatil@kuis.edu.my

HaslizabTalib
Jabatan Syariah Akademi Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
hasliza@kuis.edu.my

ABSTRAK

Institusi masjid dalam Islam memainkan peranan dalam membangunkan masyarakat setempat sejak daripada zaman Rasulullah SAW. Masjid tidak hanya menjadi pusat peribadatan umat Islam, bahkan menjadi pusat komuniti yang menyediakan pelbagai keperluan masyarakat. Amalan ini dibawa ke serata dunia termasuk Tanah Melayu seiring dengan perkembangan dakwah Islam kepada masyarakat. Sehubungan itu, Masjid As-Salam yang terletak di Puchong Perdana dilihat begitu aktif menjalankan misinya untuk memasyarakatkan masjid dan memasjidkan masyarakat menerusi pelbagai aktiviti. Masjid tersebut telah terpilih sebagai masjid terbaik 2011 peringkat daerah Petaling dan yang kedua terbaik peringkat Negeri Selangor pada tahun 2009. Pemilihan ini dibuat berdasarkan sejumlah kriteria yang ditetapkan antaranya pengurusan masjid yang cekap dan efisien, mempunyai ahli jawatankuasa yang komitmen dan gerakkerja yang teratur, menyediakan prasarana yang lengkap, menyediakan sesi kelas dan kuliah, bekerjasama dengan ahli kariah dalam kerja amal serta membentuk syakhsiah ahli kariah (<http://masjidas-salam.blogspot.com> 6 Mac 2010) Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti peranan Masjid As-Salam dalam pembangunan masyarakat Islam Puchong dan meneroka sumbangannya terhadap masyarakat setempat. Keseluruhan kajian menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi instrumen kajian kepustakaan, analisisdokumen, temubual dan observasi. Kajian ini menghujahkan bahawa Masjid As-Salam berjaya membangunkan masyarakat Islam Puchong. Selain itu, masyarakat Islam setempat juga

sedar kepentingan mengimarahkan masjid menerusi penglibatan aktif dalam program yang dianjurkan.

Kata kunci: Masjid as-Salam, pembangunan masyarakat, peranan masjid

PENDAHULUAN

Puchong ialah satu kawasan pinggir bandar yang pada asasnya merujuk kepada kawasan yang sejajar dengan Jalan Puchong yang menghubungkan Kuala Lumpur-Jalan Klang Lama di utara dengan daerah Sepang di selatan. Dari segi pentadbiran, Puchong adalah di bawah lingkungan daerah Petaling, dan ditadbir oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan manakala Puchong Selatan berada di bawah lingkungan daerah Sepang dan ditadbir oleh Majlis Perbandaran Sepang (MPS).

Masjid As-Salam Puchong Perdana terletak dalam daerah Petaling. Jumlah penduduk di kawasan ini adalah dianggarkan seramai 295,000 orang (berdasarkan statistik 2007). Dari segi komposisi kaum, kaum Melayu menguasai 45% peratus dari jumlah penduduk diikuti oleh kaum Cina 40%, India 14% dan kaum-kaum lain mewakili 1 peratus dari keseluruhan penduduk.¹

Puchong Perdana merupakan antaratanaman perumahan yang terawal terdapat di Puchong. Pembinaannya bermula pada akhir tahun 1980-an. Puchong Perdana pada masa ini telah membangun pesat, dengan pembangunan seimbang seperti kawasan yang maju lain di Lembah Klang.² Antara yang menjadidatarikan utam kawasan ini ialah Masjid As-Salam yang terletak di gerbangnya. Dengan senibina yang unik, ternyata ketenangan masjid ini seakan tidak terjejas dengan kesibukan jalan Puchong Perdana di hadapannya.

Dalam Islam, setiap masjid memainkan peranan yang utam dalam masyarakat setempat sama ada muslim mahupun bukan muslim.

labukansekadarsymbolatausebuah bangunan semata-mata tetapi ia adalah nadimasyarakat. Perkarainiacap kali menjadiperbahassanumtidakbanyak masjid yang mampu untuk berfungsi semaksimal seperti sepatutnya. Ternyata, keberkesanan sebuah masjid terletak kepada kesungguhan dan keikhlasan pihak yang terlibat.³ Inikeranagarispanduanasapenubuhan masjid ialah untuk dimakmurkan kerana Allah SWT. SesuaidenganfirmanAllah SWT:

مِنْ يَكُونُوا أَنْ أُولِيَاءِ فَفَعَسَىٰ ۖ اللَّهُ إِلَّا تَخَشَّوْا لَمْ أَلْزَمُوا زَكَاةً وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَقَامُوا الْأَخْرَ وَالْيَوْمَ بِاللَّهِ آمَنَ . مِنَ اللَّهِ مَسْجِدٍ يَعْمُرُونَ إِنَّمَا
المهتدين

Maksudnya:

¹Wikipedia. 2007. Puchong. Dipetik dari <http://www.wikipedia.com/> pada 8 Mei 2014.

²Wikipedia, t.th. Puchong Perdana. Dipetik dari <http://www.wikipedia.com/> pada 8 Mei 2014.

³MokhtarShafii, t.th. Masjid sebagai pusat pendidikan dan penjawanan umat cemerlang. Dlm. Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 10 Bil. 3. Hlm. 41-56. Dipetik dari http://i-epistemology.net/attachments/1134_jp-v10n3_MasjidSebagaiPusatPendidikandanPenjawananUmmatCemerlangMokhtarShafii.pdf pada 9 Mei 2014.

⁴Al-Qur'an, al-Taubah (9):18.

Hanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi golongan yang mendapat petunjuk.

Seterusnya, bagai menilaikesungguhanpengurusan masjid sertakeberkesannya kepada masyarakat perlukepadapemerhati dan analisiskeatasaktivitiatauusahapihak masjid sertapenyertaan daripadapenduduk setempat. Kerjasama daripadakeduadua pihak penting bagai melicinkangerakkerjakearahmenjadikan masjid nadimasyarakat.

LATAR BELAKANG MASJID AS-SALAM

Masjid As-Salam Puchong Perdana jugadikenalisebagai masjid terapung. Terletak di Jalan Persiaran Puchong Perdana yang merupakan jalan masuk utama ke Taman Puchong Perdana, Puchong Intan, Puchong Permai, Puchong Prima dan Puchong Indah dari Lebuhraya Damansara Puchong (LDP). Pemilihan tempat yang strategiksertabinaan tersergam indah di atas tasik telah menjadikannya sebagai mercu tanda kawasan Puchong.

Dikelilingi dengankawasan perumahan, sekolah, taman rekreasi dan kawasan komersial telah menjadikan masjid As-Salam tumpuan masyarakat sekitar.

Masjid ini mula dibukakan kepada orang ramai sejak 8 tahun lepas iaitu bermula 5 Januari 2006 setelah mula dibina pada 20 Mac 2004. Dirasmikan oleh Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 8 Disember 2006. Masjid ini mempunyai tingkatan yang paling ataskhusus untuk ruang solat wanita. Manakala di tingkat dua menempatkan ruang solat lelaki dan sebahagian kecil nyaruang solat wanita. Keseluruhan ruang solat boleh menampung lebih kurang lima ribu orang jemaah. Di tingkat bawah masjid pula mempunyai beberapa kemudahan seperti pejabat nazir, pejabat pendaftaran nikah, pejabat pengurusan, bilik musafir, bilik kaunseling, bilik mesyuarat, bilik kuliah, bilik pusat sumber, dewanserbaguna, bilik pengurusan jenazah, ruang solat tambahan, dapur, stor, bilik mandian tandas.⁵

Prasarana yang cukup lengkap ini menjadikan masjid As-Salam menjaditumpuan masyarakat menjalankan pelbagai aktiviti. Pihak masjid sendiri dengan secara aktif menyusun dan menjalankan aktiviti yang padat pada setiap tahun dalam usahamendidik masyarakat menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam yang sebenar. Bagai mencapai objektif penubuhan masjid sebagai model sebuah institusi pengurusan berintegriti, pusat ibadah, penyebaran dakwah, perkembangan ilmu dan budaya Islam yang terkemuka, antara aktiviti yang telah diadakan ialah Program Pembukaan Kursus Asas Haji; Kejohanan Boling; Kursus Pra Perkahwinan; Sambutan Maulidur Rasul & Jamuan Makan Bertalam; Forum Permasalahan Wanita; Qiamulail Bulanan; Pelancaran KPI Surau-surau Kariah Masjid As-Salam; Dialog antara Agama; Hari Terbuka / Karnival Masjid; Bantuan Tunai Persekolahan dan banyak lagi.⁶

Setiap program masjid disusun sesuai mengikut visi dan misi masjid yang ditentukan. Ia berubah mengikut kesesuaian dan halatuju pihak pengurusan dalam usahamenjayakan peranan masjid sebagai pusat komuniti. Sejak tahun 2013, visi yang ditetapkan ialah untuk menjadikan Masjid As-Salam sebagai 'Pusat ibadah, penyebaran dakwah, perkembangan ilmu, dan budaya Islam' yang terkemuka serta 'Pusat pengembangan budaya toleransi serta pengembangan budaya perdamaian'. Dari

⁵Anon. 2010. Latar belakang Masjid As-Salam Puchong Perdana. Dipetik daripada <http://masjid-as-salam.blogspot.com> pada 18 Mei 2014.

⁶Masjid As-Salam. 2013. Laporan komponen pengurusan Masjid As-Salam 2013. Puchong Perdana.

sudut misi pula ialah menyediakan kelengkapan untuk kemudahan beribadah, mewujudkan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti keilmuan, ke arah melahirkan masyarakat yang berilmu dan berketerampilan. Menyuburkan pengembangan budaya toleransi serta pengembangan budaya perdamaian menerima idea-idea baru yang lebih kreatif.⁷

Antara kekuatan pada kejayaan Masjid As-Salam ialah dari segi pengurusan. Ahli jawatankuasa masjid tidak hanya terdiri daripada AJK induk, tetapi mempunyai beberapa biro yang bertugas melicinkan lagi perjalanan program masjid. Biro-biro yang ada dalam pengurusan masjid adalah seperti biro dakwah dan pendidikan, ekonomi dan koperasi, kebajikan, keceriaan dan pembangunan, keselamatan dan nahi mungkar, hal ehwal belia dan riadah, publisiti, promosi dan branding, serta biro hal ehwal wanita. Setiap biro mempunyai bidang tugas tertentu dan bertanggungjawab menjayakan usaha mengimarahkan masjid bersama masyarakat setempat.⁸

PERANAN MASJID AS-SALAM KEPADA MASYARAKAT ISLAM PUCHONG

Dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan, Masjid As-Salam berjaya mencapai tahap masjid yang berperanan besar dalam kehidupan masyarakat setempat. Berikut antara peranan masjid As-Salam kepada masyarakat Islam Puchong:

Pusat ibadah

Sesuai dengan fungsi masjid, Masjid As-Salam adalah pusat umat Islam setempat menunaikan ibadah khususnya solat dan mengaji al-Quran. Masjid As-Salam juga menjadi pusat untuk mengerjakan solat Jumaat setiap minggu dan solat sunat dua hari raya setiap tahun. Oleh itu, pihak masjid sentiasa berusaha untuk mengekalkan dan menambahkan bilangan jemaah dari masa ke masa.

Pusat pembelajaran ilmu

Masjid As-Salam dilihat bersungguh-sungguh dalam memberi ilmu kepada masyarakat setempat. Ia mementingkan penerapan ilmu kepada setiap lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, dewasa mahupun warga tua. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kelas tuisyen untuk kanak-kanak bagi mata pelajaran matematik dan bahasa Inggeris yang diadakan setiap hari isnin dan khamis. Bagi dewasa pula diadakan seminar-seminar penghayatan Islam.⁹

Turut diadakan program bicara As-Salam berbentuk forum perdana serta kursus haji yang disampaikan oleh pegawai tabung haji sendiri. Kuliah maghrib perdana pula diadakan sekali setiap bulan di samping kuliah maghrib harian. Antara kitab yang dijadikan rujukan ialah Miftahul Munir, Bahrul Mazi, Syamail Muhammadiyah dan lain-lain. Pihak masjid juga menyediakan sebuah perpustakaan dalam kawasan masjid untuk memudahkan masyarakat membaca dengan selesa. Antara lain, pihak masjid bekerjasama dengan Persatuan Belia Masjid Selangor untuk mengadakan tuisyen *e-learning* setiap Sabtu dan Ahad.¹⁰

Pusat kegiatan masyarakat

Masjid As-Salam didapati berusaha sedaya upaya untuk menjadikan masjid sebagai pusat komuniti seiring dengan keperluan masyarakat setempat. Antaranya melalui perkhidmatan *wi-fi* percuma. Ia bertujuan memudahkan ahli jemaah atau masyarakat sama ada untuk membaca akhbar secara atas

⁷Masjid As-Salam. 2013. Laporan komponen pengurusan Masjid As-Salam 2013.

⁸Anon. 2009. Carta organisasidan biro-biro. Dipetik daripada <http://masjidas-salam.blogspot.com> pada 22 April 2014.

⁹Anon. 2012. Masjid As Salam Puchong Perdana bangun kembali peranan pusat Islam. Dipetik daripada <http://pimpinan-negeri-selangor.blogspot> pada 14 Mei 2014.

¹⁰Nur Faeza bt. Suhaimi. 20 Mei 2014. Pembantu Tadbir Masjid As-Salam. Temubual melalui telefon. Kuala Lumpur.

talian, mendengar kuliah-kuliah agama atau apa sahaja yang memerlukan talian internet. Ternyata, perkhidmatan ini mampu menarik minat generasi “Y” untuk datang mengimarahkan masjid.¹¹

Selain itu, ke arah memupuk hubungan yang baik antara masyarakat, masjid As-Salam turut menjalankan aktiviti sukan dan silat. Antara sukan yang dianjurkan ialah futsal ping pong, karom dan latihan memanah. Kejohanan boling As-Salam 2013 turut diadakan dengan kerjasama Persatuan Belia Masjid Malaysia (PBMM). Kayuhan As-Salam turut diadakan dengan ahli kariah sama-sama menaiki basikal. Aktiviti-aktiviti sebegini terus menjadi agenda utama pihak masjid saban tahun. Usaha-usaha sebegini tidak dinafikan menjadi daya tarikan kepada masyarakat untuk mendekati masjid.¹²

Masjid As-Salam turut menjalinkan hubungan baik dengan institusi-institusi lain seperti menerima lawatan kerja daripada Pegawai Komunikasi Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, bekerjasama dengan masjid berhampiran seperti Masjid Asy-Syakirin Puchong Utama dan Masjid Bandar Bukit Puchong dalam menjayakan program 3 Masjid dan seumpamanya.¹³

Pusat pelancong andakwah

Masjid As-Salam Puchong Perdana sentiasa bersedia menerima pelawat dan pelancong yang berhasrat untuk mempelajari sistem pengurusan dan penyebaran dakwah Masjid As-Salam Puchong Perdana. Kesediaan menjadi destinasi pelancongan dakwah dapat dilihat menerusi kelengkapan yang disediakan seperti kaunter pertanyaan, jubah pelancong dan tudung, sudut pameran, video korporat, bazar rakyat dan galeri gambar. Masjid ini juga berjaya menjadi antara masjid contoh berikutan telah menerima pelbagai lawatan daripada rombongan masjid dari pelbagai negeri. Sepanjang tahun 2011 sehingga Mei 2014 sahaja, masjid ini telah menerima kunjungan daripada 16 buah institusi seluruh Malaysia.¹⁴

SUMBANGAN MASJID AS-SALAM KEPADA MASYARAKAT PUCHONG

Membantu membanteras jenayah

Pihak masjid turut membantu membanteras jenayah dengan mengaktifkan Biro Nahi Munkar. Ia berkerjasama dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras jenayah sivil dan syariah serta gejala sosial yang kian merunsing. Biro Nahi Munkar mendapat penghargaan pada tahun 2011 sempena hari polis dari Ibu Pejabat Polis (IPD) Subang Jaya atas sumbangannya membantu membanteras jenayah dalam kalangan masyarakat.¹⁵

Menggalakkan pembangunan ekonomi

Masjid As-Salam memberi peluang kepada peniaga dengan mewujudkan bazar jumaat pada hari jumaat. Dianggarkan lebih 50 buah gerai dibuka pada hari jumaat dan ia secara langsung membantu masyarakat setempat menjana ekonomi melalui penjualan barang-barang dan makanan. Bayaran yang dikenakan hanya RM10 untuk satu tapak perniagaan.¹⁶

Memberi sumbangan kepada yang memerlukan

Setiap tahun Masjid As-Salam akan memberi sumbangan dan bantuan kepada ibu tunggal dan anak yatim. Khidmat kaunseling turut diberikan kepada sesiapa yang memerlukan secara percuma. Program turut diadakan untuk peningkatan diri remaja dan belia yang terlanjur dalam masalah sosial. Peranan

¹¹Nur Faeza bt. Suhaimi. 20 Mei 2014. Pembantu Tadbir Masjid As-Salam.

¹²Masjid As-Salam. 2013. Laporan program khas Masjid As-Salam 2013. Puchong Perdana.

¹³Masjid As-Salam. 2013. Laporan program khas Masjid As-Salam 2013.

¹⁴Masjid As-Salam. 2013. Laporan program khas Masjid As-Salam 2013

¹⁵Nur Faeza bt. Suhaimi. 20 Mei 2014.

¹⁶Nur Faeza bt. Suhaimi. 20 Mei 2014.

dalam khidmat sosial ini dilihat sangat membantu dan mendekatkan setiap lapisan masyarakat kepada masjid.¹⁷

Memberi pendidikan kepada masyarakat

Sebagai pusat komuniti, aspek keilmuan masyarakat diberi perhatian oleh pihak masjid. Tanpa mengira peringkat usia dan latar belakang keluarga, pelbagai aktiviti telah diatur dan dijalankan dalam usaha mendidik masyarakat. Contohnya seperti Kem Motivasi dan Smart Solat, Kem Remaja Ikon 2013 yang menyasarkan remaja muslim. Begitu juga kelas-kelas tuisyen untuk pelajar sekolah komuniti sekitar. Tidak dilupakan juga program untuk para wanita seperti Kuliah Dhuha dan Kuliah Maghrib.¹⁸ Tenaga pengajar juga dipilih dari kalangan mereka yang berkelayakan dalam bidang bagi memastikan proses pendidikan dijalankan secara tepat dan beroleh kepercayaan daripada masyarakat.

Menghidupkan semangat musyawarah

Bagi menjayakan lagi peranan masjid As-Salam ke peringkat maksimum, pihak masjid turut mengadakan dialog komuniti di antara Ahli Jawatankuasa masjid dan masyarakat dari masa ke masa. Seheinggakan, pertemuan ini berjaya mengumpulkan ketua-ketua agama lain dan juga ahli politik daripada parti yang berbeza atas dasar toleransi dan perdamaian. Dialog ini dilihat sebagai satu kejayaan Masjid As-Salam dalam menyatukan masyarakat sama ada beragama Islam atau tidak. Ia juga secara tidak langsung sebagai satu dakwah kepada golongan bukan Islam dalam bermuamalah dengan mereka.¹⁹

KESIMPULAN

Masjid As-Salam Puchong Perdana di dapat iiberusahamembangun masyarakat sekitarnyadengan menyediakan fasiliti yang lengkap dan program yang pelbagai. Kepekaan jawatankuasa masjid dengan kehendak masyarakat semasa menjadifaktor utama kejayaan program yang dianjurkan. Di samping adanya penggerak aktiviti masjid yang komited dan telus, kerjasamadari padamasyarakat setempat jugamenyumbang kepada keberkesanan institusi masjid dalam membangun masyarakat. Justeru, Masjid As-Salam di dapat iisentiasabersedia menyumbang ke arah pembangunan masyarakat menerusi program dan kegiatan yang disepakati antarapihak jawatankuasadengansokongan masyarakat. Masjid ini jugamampumenjadipusat komunitisetempat di samping menggalualukan kehadiran masyarakat luar untuk mendekatinyasesuaidengan peranannyasebagai pusat pelancongan dakwah. Diharapkan agar pihak masjid terus maju ke arah menjadipusat pembangunan jasmanidan rohani masyarakat.

RUJUKAN

- Anon. 2010. Masjid as-Salam dianugerah masjid keduaterbaik Negeri Selangor tahun 2009. Dipetik daripada <http://masjidas-salam.blogspot.com> pada 28 April 2014.
- Anon. 2012. Masjid As Salam Puchong Perdana bangun kembali peranan pusat Islam. Dipetik daripada <http://pimpinan-negeri-selangor.blogspot.com> pada 14 Mei 2014.

¹⁷Nur Faeza bt. Suhaimi. 20 Mei 2014.

¹⁸Masjid As-Salam. 2013. Laporan program khas Masjid As-Salam 2013.

¹⁹Masjid As-Salam. 2013. Laporan program khas Masjid As-Salam 2013.

Anon. 2010. Carta organisasidan biro-biro. Dipetikdaripada <http://masjidas-salam.blogspot.com> pada 27 Mei 2014.

Anon. 2009. Latarbelakang Masjid as-Salam Puchong Perdana. Dipetikdaripada <http://masjidas-salam.blogspot.com> pada 18 Mei 2014.

Masjid As-Salam. 2013. Laporan khas program Masjid As-Salam Puchong Perdana 2013. Puchong Perdana.

Masjid As-Salam. 2013. Laporan komponen pengurusan Masjid As-Salam Puchong Perdana 2013. Puchong Perdana.

Mokhtar Shafii. T.th. Masjid sebagai pusat pendidikan dan penjanaan umat cemerlang. Dipetikdaripada http://i-epistemology.net/attachments/1134_jp-v10n3

Masjid Sebagai Pusat Pendidikan dan Penjanaan Ummat Cemerlang Mokhtar Shafii.pdf Jurnal Pendidikan Islam. Jil. 10 Bil. 3. Hlm. 41-56 pada 9 Mei 2014.

Nur Faezabtu Suhaimi. 2014. Pembantu Tadbir Masjid As-Salam. Temubual menerusi telefon. Kuala Lumpur. Wikipedia. 2007. Puchong. Dipetikdaripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Puchong,_Selangor#Di_bawah_Majlis_Perbandaran_Subang_Jaya pada 8 Mei 2014.

Wikipedia.t.th. Puchong Perdana. Dipetikdaripada http://ms.wikipedia.org/wiki/Puchong_Perdana pada 8 Mei 2014.